

69
NO. SOALAN: ~~74~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk melahirkan generasi yang menghayati Islam secara menyeluruh dan pada masa yang sama menguasai sains dan teknologi sebagai generasi seimbang daripada segi duniawi dan ukhrawi.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pendidikan adalah suatu usaha yang akan merealisasikan pembentukan masyarakat bertamadun yang memahami, menghayati, dan membangun ilmu secara menyeluruh dan holistik. Usaha ini harus bermula dari awal pendidikan kanak-kanak ke arah memperkembangkan fitrah individu (insan) selaras dengan kehendak Al-Quran dan As-Sunnah. Sehubungan itu, Kerajaan telah memperkenalkan pengajian Kelas al-Quran dan Fardhu

'Ain (KAFA) yang berkonsepkan pengukuhan asas Pendidikan Islam dengan memberi penekanan kepada kemahiran membaca Al-Quran serta asas-asas Fardhu Ain. Di samping itu, Pengajian Takmir Masjid dan Surau yang dilaksanakan di negeri-negeri juga merupakan suatu usaha berterusan ke arah memperkasakan ilmu berkaitan ajaran Islam yang mencakupi fardhu ain dan fardhu kifayah kepada masyarakat umum dalam menghayati Islam secara komprehensif.

Bagi memastikan sistem pendidikan Islam mengikut aliran arus perdana, Kerajaan telah memperkenalkan Kurikulum Dini dan Kurikulum Tahfiz digunakan sebagai Kurikulum Kebangsaan di sekolah agama yang telah mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) bagi membolehkan pelajar sekolah agama memilih bidang pengajian di peringkat tinggi sama ada menjurus kepada aliran agama, aliran sains sosial, atau sains. Justeru, peluang untuk menceburi bidang sains dan teknologi terbuka luas kepada lepasan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) serta institusi pondok jika melaksanakan bersama kurikulum kebangsaan.

Seterusnya, bagi kesinambungan pengajian di peringkat pengajian tinggi sebagai kelangsungan pembelajaran sedia ada, Kerajaan melalui Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga telah menawarkan program Diploma Tahfiz al-Quran hasil kerjasama dengan 14 buah Maahad Tahfiz al-Quran seluruh negara serta program pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UIAM dan JAKIM-UNITEN. Selain itu, Darul Quran juga mengadakan kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

bagi program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Quran dan Sunnah. Dalam masa yang sama, terdapat beberapa institusi pengajian awam (IPTA) yang telah menawarkan Kursus "*Double Major*" iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan Sains, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan teknologi maklumat serta lain-lain bidang profesional lain yang ditawarkan di IPTA seperti Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Perlu dijelaskan disini, bahawa usaha-usaha mewujudkan kesepaduan di dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran akan berterusan selaras dengan aspirasi negara bagi melahirkan modal insan yang berilmu, memiliki etika dan nilai universal yang kukuh seperti yang digariskan dalam Islam di samping dapat menguasai pelbagai cabang bidang profesional yang lain.

Sekian, terima kasih.